

Isu peniaga operasi di laluan pejalan kaki

# DBKL cari penyelesaian tempatkan semula peniaga

(17 APRIL 2023) BH, p21

**Kuala Lumpur:** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) masih mencari 'jalan penyelesaian' bagi menempatkan puluhan peniaga yang beroperasi di kawasan pejalan kaki termasuk menghalang laluan keluar masuk jejantas, di Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR).

DBKL berkata peniaga terbabit sebelum ini berniaga dalam bangunan beli-belah di situ, tetapi dipindahkan sementara ke luar kerana premis itu diubah suai

sejak 2019.

"Terdapat seramai 13 orang peniaga yang menjalankan perniagaan di dalam bangunan pasar raya ini, namun terpaksa keluar disebabkan kerja baik pulih yang hendak dilaksanakan oleh pemilik baharu bangunan berkenaan (AJ Best).

"Bagaimanapun, peniaga berkenaan enggan memasuki semula, biarpun kerja baik pulih sudah siap sepenuhnya sehingga kini," katanya.

## Tiada lesen, kelulusan

DBKL berkata, Arked Bazar Sudirman yang dahulunya dikenali dengan Bazar Uda Ocean (UO) sudah diambil alih oleh syarikat AJ Best sejak April 2019.

Tambahnya, DBKL pada Ogos 2019 menjalankan bancian terhadap peniaga berkenaan dan merekodkan seramai 31 orang peniaga menjalankan aktiviti di situ.

Bagaimanapun, tiada sebarang kelulusan dikeluarkan dan juga

tiada permohonan lesen dikemukakan kepada DBKL.

"DBKL sedang mengenal pasti status terkini bilangan peniaga di lokasi berkenaan dan akan mellesenkan peniaga yang layak untuk ditempatkan di lokasi yang bersesuaian.

"Sehubungan itu, DBKL membenarkan mereka beroperasi di kawasan berkenaan buat sementara waktu memandangkan mereka tiada permohonan untuk kebenaran selain tidak mahu ma-

suk semula ke dalam bangunan AJ Best," katanya.

Kelmarin, *BH* melaporkan gerai yang beroperasi di laluan pejalan kaki, kaki lima dan jalan keluar masuk jejantas mengganggu orang ramai yang mahu menggunakan kemudahan berkenaan.

Tindakan peniaga itu menyebabkan ada pejalan kaki memilih untuk melintas jalan tanpa menggunakan jejantas dan ia menimbulkan bahaya kemalangan.